



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 29 JULAI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	SIN CHEW DAILY -ONLINE TUMPU INDUSTRI RUMINAN NEGARA, NASIONAL, SH -5 LADANG TERNAKAN AYAM PENELUR DISYAKI PUNCA PENCEMARAN DIARAH TUTUP, SH -ONLINE KAMBING JADI MANGSA NAFSU SEKS WARGA EMAS, NEGARA, KOSMO -7 LELAKI LAKUKAN SEKS LUAR TABII DENGAN KAMBING DITAHAN, NEGERI SELANGOR/KL, SH -23	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7.	MAQIS SEIZES 24,987KG OF FROZEN BEEF FROM AUSTRALIA, NEWS IN BRIEF, NST -13 KONTENA BAWA 24 TAN DAGING LEMBU DITAHAN, NASIONAL, BH -22	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	TERENGGANU LABUH 12 TUKUN TIRUAN PERKAYA SUMBER PERIKANAN NEGERI, DARUL IMAN, HAKAKAH -H20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	PELADANG PRIHATIN SARAWAK BANTU PENANAM NANAS, BORNEO, HAKAKAH -H28	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
10. 11. 12. 13. 14.	PENGUSAHA TIMUN RUGI 2,000 SEHARI, NEGERI KELANTAN, SH -25 1.5 TAN TIMUN TIDAK LAKU, DUA BERADIK RUGI RM2,000 SEHARI, NEGARA, KOSMO -14 RUGI RM2,000 SEHARI, LOKAL, HM -21 RUGI RM2,000 SEHARI TIMUN GAGAL DIJUAL, DALAM NEGERI, UM -28 DUA BERADIK RUGI RM2,000 SEHARI. 1.5 TAN TIMUN TAK LAKU, NASIONAL, BH -18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
15. 16. 17. 18. 19.	PEMBORONG MUSANG KING DAKWA DIPERDAYA RM414,932, NASIONAL, BH -18 PENIAGA, PEKEBUN DURIAN DARI LUAR PERLU JALANI RT-PCR SEBELUM MASUK RAUB, NEGERI PAHANG/SELANGOR, SH -24 PENIAGA, PEKEBUN DURIAN KENA SARING COVID-19, DALAM NEGERI, UM -24 FAIR MARKET FOR FISHING COMMUNITY, NATION, THE STAR -10 BUKA SEMULA SEKTOR EKONOMI SECARA BERPERINGKAT, HAKAKAH DAILY -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2021	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

农业部长：通过FIT计划·奖掖特定区域肉类生产

全国综合

+ 关注

广告



罗纳建迪主持反刍动物（RUMINAN）线上座谈会时披露，政府通过各种措施和奖掖等特定策略，著重发展我国的反刍动物工业。

（布城27日讯）农业和食物工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，农业部将依照2021至2025年国家食品安全政策行动计划（DSMN）下的指南，通过整合与强化生产乳制的饲养场网络（FIT计划），给予特定区域的肉类生产尤其是反刍动物饲养场项目，提供奖掖。

他说，为了提高本地畜牧业的永续发展以及整体反刍动物产品的食品安全水平，国家食品安全政策内阁委员会（FSCC）同意成立国家反刍动物委员，并预计从2022年开始分阶段操作，这符合农业部在2021至2030年国家农业食品政策2.0的方向。

罗纳建迪今日主持反刍动物（RUMINAN）线上座谈会，在致词时说，这些计划体现了政府通过有效的畜牧系统提高生产能力，维持最佳生产成本以及加强价值链管理来发展政府对肉类和乳制品行业的承诺。

## **提高本地牛肉牛奶生产**

部长指出，通过这些计划，政府在第12大马计划（RMK 12）的5年内，提高本地牛肉和新鲜牛奶的生产目标，达额外生产11万1000公吨牛肉和2000万公升的鲜奶，以实现在2025年牛肉生产50%自供水平，以及100%鲜奶自给自足水平的目标。

罗纳建迪今日也推介由大马兽医服务局（DVS）主办的2021年反刍动物座谈会和2021至2025年国家牛肉产业发展策略计划和2021至2025年国家乳业发展策略计划。

广告

文章来源：星洲日报

作者：

# Tumpu industri ruminan negara

MAFI lancar dua pelan serentak iaitu BIF PLAN dan DAIRY PLAN 2021-2025

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF PLAN 2021-2025) dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara 2021-2025 (DAIRY PLAN 2021-2025) bakal memupuk beberapa strategi khusus dalam usaha membangunkan industri ruminan negara selaras Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) untuk tempoh lima tahun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, pelan berkenaan adalah manifestasi kerajaan untuk membangunkan industri ruminan melalui pendekatan sistem penternakan yang lebih efisien, selain meningkatkan kapasiti dan kos pengeluaran.

"Melalui pelan itu juga sasaran pengeluaran daging dan susu segar terpatan dapat ditingkatkan dengan penambahan pengeluaran sebanyak 111,000 tan metrik daging dan 20 juta liter susu segar.

"Ya dapat dicapai dalam tempoh lima tahun RMK12 dengan sasaran 50 peratus tahap sara diri (SSL) untuk pengeluaran daging dan 100 peratus SSL untuk susu segar menjelang tahun 2025," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Simposium Ruminan 2021 serta BIF PLAN dan DAIRY PLAN 2021-2025 secara maya anjuran Jabatan Perkhidmatan

Veterinar (DVS) pada Selasa.

Program tersebut merupakan anjuran DVS bersama penternak dan pemegang taruh untuk berkongsi maklumat serta menjelaskan pelbagai isu, cabaran dan peluang dalam pembangunan industri ruminan negara.

Ronald berkata, pembangunan lembah tenusu akan diteruskan di beberapa kawasan baharu termasuk Lembah Tenusu Selatan di Melaka dan Johor, Lembah Tenusu Borneo di Sabah serta Sarawak dan Lembah Tenusu Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu.

Jelasnya, program transformasi usahawan berskala besar dan penternak kecil melalui kaedah bayaran balik serta geran padanan juga dilaksanakan bagi meningkatkan bilangan populasi induk lembu susu tempatan.

"Bagi industri pedaging, ia fokus kepada program seperti Skim Rezeki Ternak bagi penternak kecil, peningkatan ruminan untuk ternakan integrasi, malah membangunkan 67 ladang satelit di kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

"Projek Pertanian Moden (PPM) juga dijangka menjadi pemangkin kepada pengusaha penternakan ruminan meliputi skala kecil, semi komersial dan komersial dalam mencapai sasaran pengeluaran 111,000 tan metrik," kata Ronald.

Beliau berkata, pihaknya akan memberikan insentif bagi penguatkuasaan model aktiviti pengeluaran daging di zon-zon khusus bagi projek fidlot ruminan melalui skim penguatkuasaan rangkaian fidlot daripada integrasi dan tenusu (Skim FIT) sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025.

Menurut Ronald, bagi meningkatkan ketahanan dan pertumbuhan industri ternakan serta tahap sekuriti makanan negara untuk hasil ruminan, Lembaga



Proses pemerahan susu lembu kini menggunakan teknologi moden.

Ruminan Negara bakal ditubuhkan dan dijangka beroperasi secara berfasa bermula pada tahun 2022.

## Pemegang taruh

"Kesemua strategi yang dirangka kerajaan memerlukan kerjasama erat semua pihak termasuk MAFI, DVS, pemain industri dan penternak sebagai pemegang taruh," katanya.

Industri ternakan ruminan merupakan industri penting berperanan sebagai sumber protein negara sekali gus salah satu industri utama agromakanan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019 bernilai RM15 bilion.

Ia menyediakan sumber pendapatan yang menguntungkan semua pihak di sepanjang rantaian nilai termasuk penternak menerusi pengeluaran daging, telur, susu dan produk hasilnya.

Sementara itu, Ketua Pengarah DVS, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, dengan senario semasa negara dan dunia dilanda Covid-19, industri ruminan negara wajar diteruskan supaya bekalan daging dan susu segar dapat menampung keperluan serta kehendak tempatan.

Katanya, empat objektif utama peng-anjuran Simposium Ruminan antaranya berkongsi matlamat, hala tuju dasar dan strategi pembangunan ruminan dalam RMK12 bersama penternak serta pemegang taruh.

"Menjelaskan isu, cabaran dan peluang dalam pembangunan industri ruminan serta undakan kementerian dan jabatan untuk menangannya.

"Kemudian perkongsian program oleh jabatan dalam pembangunan industri ruminan sepanjang tahun 2020 hingga 2021 di samping menjelaskan penyakit ternakan yang boleh menjejaskan ekonomi serta langkah kawalannya," ujarnya.



RONALD



NORLIZAN



Ronald (kiri) dan Norlizan (kanan) melancarkan Webinar Simposium Ruminan yang diadakan secara maya pada Selasa.



Ternakan lembu sado semakin berkembang di Malaysia.

## BIF PLAN dan DAIRY PLAN 2021-2025

- Sasar pengeluaran daging 111,000 tan metrik, 20 juta liter susu segar.
- Wujud Lembah Tenusu baharu di Melaka, Sarawak, Sabah, Kelantan, dan Terengganu
- Program transformasi usahawan berskala besar dan transformasi penternak kecil
- Skim Rezeki Ternak bagi penternak kecil
- Bangunkan 67 ladang satelit di TKPM
- Wujud Projek Pertanian Moden

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Ladang ternakan ayam penelur disyaki punca pencemaran diarah tutup



Premis ladang ternakan ayam penelur di Kalumpang, Hulu Selangor diarahkan tutup selama 14 hari.

HULU SELANGOR - Sebuah premis ladang ternakan ayam penelur di Kalumpang di sini diarahkan tutup selama 14 hari kerana disyaki melepaskan efluen ke anak sungai menyebabkan air keruh dan berbau najis ayam.

Bahagian Korporat Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dalam kenyataannya memaklumkan, operasi bersepadu jam 3.30 petang Selasa itu membabitkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Menurut kenyataan itu, operasi turut disertai Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Hulu Selangor dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Hulu Selangor.

"Operasi itu dijalankan selepas MDHS sering menerima aduan daripada penduduk dan tinjauan awal dilakukan Pegawai Kesihatan MDHS di ladang ayam terbabit mendapati aduan penduduk adalah benar.

"Pemeriksaan di dalam premis bersama pengurus ladang juga menemui kira-kira 50 kolam takungan kecil dengan keadaan air berwarna hitam dan terdapat sisa najis ayam.

"Apabila hujan akan berlakunya limpahan dari kolam tersebut yang kemudiannya mengalir ke anak sungai," kata kenyataan itu pada Rabu.

Jelas kenyataan itu, operasi turut dilaksanakan berikutan kegagalan pihak premis mematuhi arahan notis dikeluarkan oleh MDHS pada 26 April dan 14 Julai lalu.

"Kita dapati pemilik premis gagal melantik panel kontraktor di bawah pihak majlis bagi pelupusan sisa pepejal.

"Premis terbabit diarahkan ditutup bermula Selasa hingga 9 Ogos depan.

"Tindakan diambil di bawah Undang-Undang Kecil 43(1)(a) dan (b), Undang-Undang Kecil Pelesenan dan Perindustrian (MDHS) 2007," kata kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu lagi, MDHS akan terus melaksanakan pemantauan sepanjang tempoh notis penutupan.

"Tindakan susulan daripada jabatan teknikal terlibat akan dilakukan dari segi pelan bangunan dan lesen perniagaan bagi memastikan pihak premis mematuhi kesemua syarat teknikal daripada pihak majlis," katanya.

## Kambing jadi mangsa nafsu seks warga emas

**PETALING JAYA** – Seorang lelaki warga emas tergamak menjadikan seekor kambing betina sebagai tempat melampiaskan nafsu dalam kejadian di Hulu Selangor dekat sini kelmarin.

Kejadian itu disedari seorang wanita berusia 45 tahun yang terdengar bunyi mengembek dari kandang yang terletak di belakang rumahnya pada pukul 1.30 tengah hari.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Arsad Kamaruddin berkata, pihaknya menerima laporan daripada wanita tersebut pada pukul 6.24 petang hari yang sama yang dibuat di Balai Polis Serendah.

"Berdasarkan laporan yang dibuat, pengadu pergi ke kandang selepas terdengar haiwan peliharaannya mengembek sebelum ternampak seorang lelaki yang dikenalnya dalam keadaan separuh bogel bersebelahan kandang tersebut.

"Menyedari kehadiran wanita itu, suspek segera ber-

edar. Pemeriksaan mendapati, kambing betina itu telah mati," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, pasukan forensik dan petugas Pejabat Perkhidmatan Veterinar Kuala Kubu Bharu pergi ke lokasi untuk melakukan siasatan.

Bangkai kambing pula dihantar ke makmal untuk dibedah siasat.

Susulan kejadian itu, polis memberkas suspek yang berusia 60 tahun di kawasan semak di Kampung Sungai Buaya, Serendah pada pukul 10.50 pagi kelmarin.

Semakan mendapati suspek memiliki rekod jenayah. Lelaki itu akan dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu hari ini untuk permohonan reman.

Kes disiasat mengikut Seksyen 377 Kanun Keseksaan kerana persetubuhan luar tabii terhadap haiwan dan Seksyen 289 Kanun sama kerana kecuai-an melibatkan haiwan.



**KAMBING** betina mati selepas dijadikan pemuas nafsu seorang lelaki warga emas di Hulu Selangor kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/KL	23

## Lelaki lakukan seks luar tabii dengan kambing ditahan

**HULU SELANGOR** - Seorang lelaki warga tempatan ditahan kerana disyaki melakukan hubungan seks luar tabii dengan seekor kambing betina sehingga haiwan itu mati dalam kejadian di Kampung Sungai Buaya, Serendah dekat sini pada Selasa.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Arsad Kamaruddin berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang wanita berusia 45 tahun pada jam 6.24 petang.

Menurut beliau, pengadu memaklumkan terdengar bunyi dari kandang kambing yang terletak di belakang rumahnya pada jam 1.30 petang.

"Hasil pemeriksaan mendapati seorang lelaki dalam keadaan separuh bogel bangun dari sebelah kambing sebelum melarikan diri.

"Pengadu juga mendapati seekor kambing betina ditemui telah mati,"

katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Arsad berkata, siasatan di tempat kejadian bersama pasukan forensik dan Jabatan Veterinar Haiwan Kuala Kubu Bharu telah dibuat.

"Haiwan tersebut dihantar ke makmal Jabatan Veterinar untuk analisis (bedah siasat)," katanya.

Beliau berkata, bertindak atas maklumat, suspek berjaya diberkas di kawasan semak Jalan Tengah, Kampung Sungai Buaya Serendah di sini jam 10.50 pagi Rabu.

"Semakan mendapati suspek berusia 60 tahun itu mempunyai rekod lampau membabitkan kes jenayah.

"Suspek akan direman pada Khamis di Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu untuk siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 377 dan Seksyen 289 Kanun Keseksaan," katanya.



Kambing yang menjadi mangsa seks luar tabii seorang warga emas ditemui mati oleh pemiliknya di belakang kediamannya di Kampung Sungai Buaya, Serendah pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2021	NST	NEWS IN BRIEF	13

## Maqis seizes 24,987kg of frozen beef from Australia

**SHAH ALAM:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized frozen beef, worth RM296,998.91, from Australia in a container at West Port, Port Klang, near here on Monday. Selangor Maqis, in a statement yesterday, said officials were carrying out a routine check on a container when they found 24,987.96kg of frozen meat without a valid import permit. The case is being investigated under Section 11(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728), which is punishable with a fine not exceeding RM100,000 or imprisonment for up to six years, or both, upon conviction. **Bernama**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

# Kontena bawa 24 tan daging lembu ditahan

**MAQIS rampas produk sejuk beku diimport dari Australia tanpa permit**

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Pelabuhan Klang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menahan sebuah kontena yang membawa 24 tan daging lembu sejuk beku tanpa permit import di Pelabuhan Klang Barat, di sini, Isnin lalu.

MAQIS Selangor dalam kenyataan berkata, kontena yang membawa daging lembu sejuk beku seberat 24,987.96 kilogram dari Australia itu ditahan dalam pemeriksaan rutin oleh penguat kuasa MAQIS pada jam 5 petang.

"Siasatan mendapati sebuah kontena membawa daging lembu sejuk beku bernilai RM296,998.91 dibawa masuk sebuah syarikat tempatan.

"Daging lembu sejuk beku itu dirampas untuk tindakan lanjut kerana gagal mengemukakan Permit Import MAQIS yang sah ketika pemeriksaan dilakukan.

"Siasatan juga mendapati, daging lembu sejuk beku itu untuk kegunaan sendiri dan dijual di pasaran tempatan dan berada



Anggota MAQIS menahan kontena yang membawa 24 tan daging lembu tanpa permit di Pelabuhan Klang Barat, Isnin lalu. (Foto ihsan MAQIS)

di pelabuhan sejak 17 Jun lalu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

MAQIS berkata, perbuatan mengimport daging sejuk beku tanpa Permit Import akan disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3), Akta sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"MAQIS sentiasa mengambil serius dalam isu membabitkan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan dagangan yang boleh mengancam keselamatan makanan dan status halal," katanya.

# Terengganu labuh 12 tukun tiruan perkaya sumber perikanan negeri

**W**ALAU PUN masih berada dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), Kerajaan Terengganu terus gigih melaksanakan program memperkaya sumber perikanan dalam negeri.

Antara program memperkaya sumber yang dilaksanakan ialah program melabuhkan unjam dan tukun tiruan bertujuan untuk pemuliharaan khazanah laut sekali gus memberi manfaat jangka masa panjang kepada nelayan.

Sejak 2018, kerajaan negeri turut serta menyumbang melalui agihan bajet negeri untuk mempertingkatkan jumlah tukun dan unjam dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia Terengganu.

Tahun ini, sebanyak RM1.21 juta diperuntukkan bagi program tersebut termasuk pelepasan benih ke perairan umum untuk mempertingkatkan sumber perikanan.

Terbaru, sebanyak 12 tukun tiruan konservasi telah dilabuhkan di kawasan perairan taman laut Pulau Kapas.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, tukun di bawah peruntukan kerajaan persekutuan sebanyak RM300,000 itu akan menjadi tempat pembiakan kepada pelbagai spesies ikan.



Dr. Azman Ibrahim melihat tempat tukun tiruan.



Tukun tiruan yang telah dilabuhkan ke dalam laut.



Penyelam bergambar selepas melakukan pemeriksaan kedudukan tukun tiruan yang dilabuhkan.

"Ramai penggiat laut bertanya justifikasi labuhan di kawasan yang tidak boleh memancing, jawapannya tukun bertindak sebagai rumah kepada hidupan



Tukun sedang diturunkan menggunakan kren.

DAERAH	BILANGAN TUKUN TIRUAN (unit)			PERUNTUKAN
	KONSERVARS	REKREAS	JUMLAH	
Marang (Pulau Kapas & Kuala Marang)	12	9	21	Persekutuan: RM325,000.00
Kuala Nerus (Kg. Batin)		9	9	Negeri: RM1,069,000.00
Setiu (Kuala Setiu)		9	9	
Besut (Kuala Besut)		9	9	
Kemaman (Geliga)		9	9	
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>45</b>	<b>57</b>	<b>1,394,000.00</b>

Perancangan pembinaan tukun tiruan tahun 2021.

lautan yang kemudian akan keluar ke laut untuk jadi reze ki tangkapan akan datang.

"Spesifikasi 12 tukun tiruan ini adalah berat sekitar 17 tan dibuat daripada bahan konkrit gred 35 akan bertahan di dasar laut sekitar 50 tahun.

"Ia turut berfungsi sebagai zon penampungan untuk pukat tunda menghalang kepada pencerobohan

di kawasan ini," katanya ketika ditemubual pemberita selepas kerja melabuh tukun konservasi di perairan Pulau Kapas, baru-baru ini.

Selain itu, tukun tiruan juga mampu berfungsi sebagai benteng penahan ombak dan menghalang arus menghakis pantai.

Tambah Dr. Azman, jangkaan hasil tukun tiruan tersebut akan mengambil

masa dalam beberapa bulan untuk ditumbuhi hidupan laut dan spesies marin.

"Sejak tahun 2006 lagi, banyak tukun konservasi telah membuahkan hasil dan pelbagai kejayaan yang boleh didokumentasikan termasuk hasil spesies ikan gred A yang bertandang dan menjadikannya sebagai tempat perlindungan," jelasnya lagi.



Kerajaan Terengganu turut bekerjasama dengan APMM untuk melabuhkan kapal nelayan asing yang dilupuskan sebagai tukun tiruan.

## Peladang Prihatin Sarawak bantu penanam nanas

**BETONG:** Program Peladang Prihatin Sarawak membeli lebih 4,000 kilogram nanas daripada pekebun sekitar daerah Betong bagi membantu petani kawasan berkenaan.

Nanas tersebut diserahkan Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sariibas, Sampar Melaka kepada Adun Layar Gerald Rentap Jabu pada satu majlis ringkas Isnin lepas.

Pusat Khidmat Dun Layar kemudian menyumbang nanas tersebut kepada beberapa agensi barisan hadapan dan penduduk.

Dalam pada itu, PPK Sariibas berharap inisiatif tersebut dapat membantu pekebun menjual hasil tanaman yang tidak dapat dipasarkan susulan terkesan akibat pandemik Covid-19.

Manakala pada program berasingan, Gerald Rentap

hadir pada majlis penyerahan sumbangan kepada petugas Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Panglima Rentap.

Sumbangan tersebut ditaja tiga syarikat swasta iaitu Central Enterprise, CE & C Enterprise Sdn. Bhd dan Familio Enterprise.

Gerald Rentap turut mengadakan perbincangan bersama Pegawai Kesihatan Bahagian Betong, Dr Johnny Pangkas mengenai status terkini program vaksinasi di Daerah Betong.

PPV tersebut mula beroperasi sejak Mac lepas.  
*EDISI UKAS*



**Adun Layar Gerald Rentap Jabu menunjukkan nanas yang diusahakan petani.**

29/7/2021

SINAR  
HARIAN

NEGERI

KELANTAN

25

# Pengusaha timun rugi RM2,000 sehari

Lambakan berlaku apabila pemborong tidak dapat pasarkan sayuran sejak dua minggu lalu

Oleh HAZELLEN LIANA  
KAMARUDIN

## PASIR MAS

**D**ua beradik kerugian RM2,000 sehari sejak dua minggu lalu kerana gagal memasarkan timun yang diusahakan mereka secara ferugasi di Kampung Pulai, Chicha Tinggi di sini.

Nik Azrin Nik Yaakub, 29, dan abangnya, Nik Azani, 46, berkata keadaan pandemik Covid-19 ketika ini mempengaruhi pemasaran hasil tanaman mereka.

Nik Azrin mengakui sepanjang tempoh itu, mereka kerugian sekitar RM28,000 apabila hasil timun yang diusahakan gagal dipasarkan.

“Sepanjang Ramadan lalu pula, kami sudah kerugian teruk selepas gagal memasarkan lada solok akibat masalah Covid-19,” katanya kepada pemberita pada Rabu.

Menurutnya, semasa Covid-19 menyerang negara pada Mac tahun lalu, mereka tidak berdepan sebarang masalah untuk memasarkan hasil tanaman tersebut kerana ia dijual terus kepada pemborong di pasar borong dekat Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu.

Nik Azrin berkata, sejak dua minggu lalu lambakan hasil sayur-sayuran berlaku apabila pemborong di RTC buntu untuk memasarkan bahan mentah.

“Ia susulan beberapa sektor ekonomi masih lagi ditutup disebabkan peningkatan kes



Nik Azrin (Mr) dan abangnya, Nik Azani menunjukkan lambakan timun yang diusahakan secara ferugasi di Kampung Pulai, Chicha Tinggi, Pasir Mas sejak dua minggu lalu.

jangkitan Covid-19.

“Jadi saya berharap pihak kerajaan dapat campuran tangan membantu golongan petani untuk memasarkan hasil tanaman ini dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan kerugian ber-

an berterusan mereka terpaksa berhenti sementara daripada mengusahakan projek tersebut selepas ini.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menyediakan platform bagi membantu golongan terfibat.

“Khidmat ini menerusi Rakan Pemasar FAMA di RTC dan rangkaian-rangkaian agensi tersebut di seluruh negeri.

“Kita juga akan buat lawatan terus ke ladang, selain FAMA turut menawarkan jualan secara promosi terus dari ladang di lot RTC Kelantan bagi mendapatkan pulangan lebih baik,” katanya.

Wan Nora berkata, petani yang memerlukan khidmat pemasaran dari agensi itu, boleh menghubungi terus Pejabat FAMA berdekatan atau Bilik Gerakan FAMA Negeri Kelantan di talian 012-3684203 dan 012-3680125.

ganda,” katanya.

Ujarnya, pelbagai cara digunakan termasuk membuat jualan secara dalam talian, namun ia masih belum mampu membantu mengatasi masalah ini.

Katanya, jika situasi berkena-

MEDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
APA TINDAKAN  
**KITA?**

# 1.5 tan timun tidak laku, dua beradik rugi RM2,000 sehari

**PASIR MAS** – Dua beradik yang mengusahakan tanaman timun mendakwa mereka mengalami kerugian RM2,000 sehari selepas tidak dapat menjual hasil tanaman itu sejak dua minggu lalu ekoran penularan Covid-19.

Nik Azrin Nik Yaakub, 29, dan abangnya Nik Azani, 46, berkata, keadaan itu menyebabkan 1.5 tan timun yang dikeluarkan setiap hari terbiar sekali gus mereka terpaksa menanggung kerugian ribuan ringgit.

Katanya, jika situasi itu berterusan, dia dan abangnya mungkin terpaksa melupakan hasrat untuk meneruskan projek tanaman buat seketika.

"Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac tahun lalu, kami tidak berdepan sebarang masalah untuk memasarkan hasil tanaman kerana dijual terus kepada pemborong di pasar borong dekat Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Tunjong, Kota Bharu.

"Bagaimanapun, berlaku lambakan hasil sayur-sayuran ketika ini selain pemborong di RTC tidak dapat menjual bahan mentah ekoran beberapa sektor ekonomi masih lagi ditutup," katanya di sini semalam.

Nik Azrin memberitahu, situasi itu menyebabkan dia terpaksa



**NIK AZRIN (kiri) dan Nik Azani menunjukkan lambakan timun yang diusahakan mereka di Kampung Pulai, Chicha Tinggi, Pasir Mas semalam.**

mengagihkan hasil tanaman itu secara percuma kepada penduduk kampung bagi mengelakkan berlakunya pembaziran.

Katanya, sebelum ini, mereka sudah mengalami kerugian teruk selepas gagal memasarkan lada solok ekoran koronavirus.

"Sejujurnya kami sudah buntu, pelbagai cara telah digunakan termasuk jualan online, namun masih belum mampu membantu

mengatasi masalah ini," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad dalam satu kenyataan berkata, pekebun boleh memasarkan tanaman mereka menerusi Rakan Pemasar FAMA di RTC selain promosi terus dari ladang bagi mendapatkan pulangan yang terbaik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

FOTO: NIK ABDULLAH NIK OMAR



NIK Azrin (kiri) bersama Nik Izani memeriksa dan mengutip timun yang sudah matang di Kampung Pulau, Mukim Chicha Tinggi di sini, semalam.

## BUANG 1.5 TAN TIMUN SETIAP HARI

# Rugi RM2,000 sehari

Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

### Pasir Mas

**D**ua beradik yang juga pengusaha timun batang buntu selepas terpaksa membuang 1.5 tan hasil tanamannya setiap hari susulan berlaku lambakan dan tiada permintaan sayur berkenaan di pasaran.

Nik Azrin Nik Yaakub, 29, dan abangnya, Nik Izani Nik Yaakub, 46, kerugian hampir RM2,000 sehari apabila timun batang yang diusahakan mereka langsung tidak terjual sejak dua minggu lalu.

Keadaan itu menyebabkan berlaku lambakan dan pembaziran sayur walaupun mereka sudah mengambil inisiatif memberikan timun

batang secara percuma kepada sesiapa sahaja yang menginginkannya.

Nik Azrin berkata, dia dan abangnya mula mengusahakan tanaman timun batang dan timun *baby* sejak tiga tahun lalu dan berlaku pengurangan permintaan sejak Januari lalu sebelum ia semakin teruk sejak kebelakangan ini.

"Kami biasanya menghantar hasil tanaman berkenaan ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, di Kota Bharu setiap pagi untuk dijual kepada pemborong, tetapi kini lambakan turut berlaku di sana kerana kekurangan pembeli.

"Bila keadaan ini berlaku, secara tidak langsung harga timun batang turun mendadak kepada hanya 50 sen sehingga RM1 sahaja untuk

sekilogram. Kami yang hanya mengharapkan kepada hasil tanaman juga hilang punca pendapatan.

"Sebenarnya, kami bukan hanya berdiam diri sebaliknya cuba mencari inisiatif lain dengan menjual sendiri timun batang di kampung dan berniaga melalui dalam talian, tetapi lambakan tetap berlaku," katanya di rumah mereka di Kampung Pulau, Mukim Chicha Tinggi, di sini, semalam.

Nik Azrin mengakui mereka turut mengusahakan tanaman lada solod sebelum ini, namun mengambil keputusan memberhentikannya seketika sejak Mei lalu kerana turut tidak mendapat sambutan di pasaran.

"Lebih memeritkan, apabila kami terpaksa menghabiskan RM4,000 sebulan

untuk kos baja dan racun bagi memastikan hasil timun batang yang dikeluarkan berkualiti tinggi.

"Tiada lain yang kami mahukan selain berharap supaya pihak berkaitan membantu masalah yang dihadapi ini kerana saya percaya bukan kami sahaja yang berhadapan isu lambakan sayur, tetapi rakan petani lain juga," katanya.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad ketika dihubungi berkata, pihaknya menyediakan khidmat pemasaran bagi membantu mengatur pasaran dengan Rakan Pemasar Fama di RTC dan Outlet Fama di Kelantan selain membuat lawatan terus di ladang.

29/7/2021

UTUSAN

DALAM

28

MALAYSIA

NEGERI



NIK Azrin (kanan) dan NIK Azani buntu memikirkan cara untuk memasarkan timbunan timun hasil tanaman mereka di Kampung Pulau, Chicha Tinggi, Pasir Mas. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

## Rugi RM2,000 sehari timun gagal dijual

Oleh YATIMIN ABDULLAH  
[utusannews@mediamulla.com.my](mailto:utusannews@mediamulla.com.my)

**PASIR MAS:** Dua pengusaha kebun timun di Kampung Pulau, di sini kerugian hampir RM2,000 sehari kerana gagal memasarkan hasil tanaman mereka sejak dua minggu lalu akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

NIK Azrin NIK Yaakub, 29, yang mengusahakan tanaman tersebut bersama abangnya NIK Azani, 46, mengakui kecewa yang ditinal setiap hari, tergendai tanpa pembeli.

Kata NIK Azrin, jika situasi itu berterusan, mereka mungkin terpaksa mengantung cangkul dan mencari kerja lain kerana tidak mampu menanggung kerugian demi kerugian setiap hari.

"Semasa Covid-19 menyeyrang negara pada Mac tahun

lalu, kami tidak berdepan masalah untuk memasarkan hasil tanaman di pasar borong Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong.

"Namun, sejak dua minggu lalu berlaku lambakan sayur-sayuran dengan pembedoran di RTC sendiri buntu untuk memasarkannya ekoran beberapa sektor ekonomi masih ditutup disebabkan pandemik," katanya kepada penerbita di sini semalam.

NIK Azrin memberitahu, mereka membuat keputusan menggahikan timun yang tidak terjual tersebut kepada penduduk kampung secara percuma bagi mengelak pembaziran.

"Kami berharap kerajaan dapat campur tangan membantu golongan petani untuk memasarkan hasil tanaman dengan sebaik mungkin tidak berterusan berdepan kerugian.

"Sejujurnya, kami sudah

buntu, pelbagai cara telah digunakan termasuk membuat jualan secara dalam talian, namun, tidak berhasil," katanya.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (PAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad dalam satu kenyataan berkata, masalah pekebum timun tersebut dalam perhatian pihaknya.

"Pihak kami menerusi Badan Pemasar PAMA di RTC serta rangkaian-rangkaian lain di seluruh negeri menyediakan perkhidmatan pemasaran produk pertanian, selain menawarkan jualan promosi terus dari ladang di lot RTC Kelantan.

"Petani yang memerlukan khidmat pemasaran boleh menghubungi terus pejabat FAMA berdekatan atau Bilik Gerakan FAMA Kelantan di talian 012-3684203 atau 012-3680125," katanya.

# Dua beradik rugi RM2,000 sehari, 1.5 tan timun tak laku

**Pengusaha buntu hasil tanaman tiada pembeli sejak dua minggu lalu**

**Oleh Syaherah Mustafa**  
bhnews@bh.com.my

**Pasir Mas:** Dua beradik yang juga pengusaha timun, buntu selepas terpaksa membuang 1.5 tan hasil tanamannya setiap hari susulan berlaku lambakan dan tiada permintaan sayur berkenaan di pasaran.

Nik Azrin Nik Yaakub, 29, dan abangnya, Nik Izani Nik Yaakub, 46, kerugian hampir RM2,000 sehari apabila timun yang diusahakan mereka langsung tidak terjual sejak dua minggu lalu.

Kesedaran itu menyebabkan berlaku lambakan dan pembaziran sayur walaupun mereka sudah memberikan timun secara percuma kepada sesiapa sahaja yang mahu.

Nik Azrin berkata, dia dan abangnya mengusahakan tanaman timun sejak tiga tahun lalu dan mula berdepan kemerosotan permintaan sejak Januari tahun ini dan semakin teruk beberapa minggu ini.

"Biasanya, kami menghantar hasil tanaman ke Pusat Transformasi Luar Bandar (PTC) Tunjong, di Kota Bharu pada setiap pagi untuk dijual kepada pemborong, tetapi kini lambakan turut berlaku di sana kerana kekurangan pembeli.

"Apabila keadaan ini terjadi,



Nik Azrin (kiri) dan abangnya, Nik Izani ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Pulai, Mukim Chicha Tinggi, Pasir Mas, semalam.

di, secara tidak langsung harga timun turun mendadak kepada hanya 50 sen selingga RM1 untuk sekilogram. Kami yang hanya mengharapkan kepada basil tanaman juga hilang punca pendapatan.

"Sebenarnya, kami tidak banya berdirian diri, sebaliknya cuba mencari inisiatif lain dengan menjual sendiri timun di kampung dan berniaga dalam talian, tetapi lambakan tetap berlaku," katanya ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Pulai, Mukim Chicha Tinggi, di sini, semalam.

Nik Azrin mengakui mereka turut mengusahakan tanaman lada solok sebelum ini, namun

mengambil keputusan menghentikannya seketika sejak Mei lalu kerana tidak mendapat sambutan di pasaran.

"Lebih memeritkan, kami terpaksa menghabiskan RM4,000 sebulan untuk kos baja dan ramuan bagi memastikan hasil timun berkualiti tinggi.

"Tiada yang kami mahukan selain berharap pihak berkaitan dapat membantu menyelesaikan masalah ini kerana saya percaya bukan kami sahaja yang berdepan isu lambakan sayur, tetapi rakan petani lain juga," katanya.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Kelantan,

Wan Nova Wan Ahmad ketika dihubungi berkata, pihaknya menyediakan khidmat pemasaran bagi membantu mengaturnya dengan Rakan Pemasar FAMA di RTC dan premis FAMA di Kelantan, selain membuat lawatan terus di ladang.

"Selain itu, FAMA menawarkan khidmat secara promosi terus dari ladang di lot RTC Kelantan bagi mendapat pulangan lebih baik.

"Petani yang memerlukan khidmat pemasaran dari FAMA boleh menghubungi terus Pejabat FAMA Berdekatan atau BURE Gerakan FAMA Negeri Kelantan di talian 012-3684203 atau 012-3680125," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR	24

## Peniaga, pekebun durian dari luar perlu jalani RT-PCR sebelum masuk Raub

**KUANTAN** - Semua peniaga dan pekebun durian dari luar yang ingin memasuki daerah Raub perlu menjalani ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) Covid-19 sekurang-kurangnya tiga hari sebelum perjalanan.

Keputusan ujian saringan perlu dibawa untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa di sekatan jalan raya (SJR) daerah Raub sebagai bukti.

Menurut kenyataan Jabatan Pertanian, arahan tersebut dikeluarkan Yang Dipertua Majlis Daerah Raub kepada Pegawai Pertanian Daerah Raub melalui surat bertarikh 26 Julai lalu.

“Ia berikutan penularan wabak Covid-19 yang dikesan berlaku dalam

kalangan peniaga dan pekebun durian di beberapa lokaliti di daerah itu.

“Arahan itu berkuat kuasa sertamerta. Semua pemegang Surat Pengesahan Keterlibatan Dalam Aktiviti Rantai Pembekalan dan Pemasaran Berkaitan Keperluan Makanan yang dikeluarkan Jabatan Pertanian perlu mematuhiinya,” jelas kenyataan yang dikeluarkan pada Rabu.

Kata kenyataan itu, arahan itu sejajar dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Majlis Daerah Raub berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 di bawah Seksyen 72(1)(f)(i).

“Sebarang pertanyaan boleh hubungi talian 09-355 1267/ 013-965 7293 (waktu pejabat sahaja),” jelas kenyataan itu lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	24

## Peniaga, pekebun durian kena saring Covid-19

**PUTRAJAYA:** Kesemua peniaga dan pekebun durian dari luar yang ingin memasuki Daerah Raub, Pahang perlu menjalani ujian saringan *Polymase Chain Reaction* (PCR) Covid-19.

Menurut Jabatan Pertanian, arahan tegas berkuat kuasa serta-merta itu dikeluarkan sendiri oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Raub, Datuk Mohammad Shahid Ismail susulan penularan Covid-19 dikesan berlaku dalam kalangan peniaga dan pekebun di beberapa lokaliti daerah tersebut.

Sehubungan itu, beliau melalui surat kepada Pegawai Pertanian Daerah Raub, Nor Hazwani Abdul Aziz bertarikh 26 Julai lalu mengarahkan individu terbabit segera melakukan ujian PCR yang perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga hari sebelum perjalanan dan keputusan ujian diserahkan kepada pihak berkuasa di sekatan jalan raya sebagai bukti.

"Arahan terbaharu ini turut meliputi pemegang Surat Pengesahan Keterlibatan Dalam Aktiviti Rantais Rantais Pembekalan dan Pemasaran Berkaitan Keperluan Makanan dikeluarkan agensi itu," katanya dalam kenyataan semalam.

Langkah berkenaan juga jelas Jabatan Pertanian, adalah sejajar kuasa-kuasa yang diberikan kepada Majlis Daerah Raub berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang mana Seksyen 72(1)(f)(i) akta tersebut menyebut, pihak berkuasa tempatan itu mempunyai kuasa bagi melindungi kesihatan awam serta mengambil segala langkah munasabah yang diperlukan.

Peniaga dan pekebun durian yang terlibat sekiranya ada pertanyaan, boleh menghubungi terus pihak majlis menerusi talian 09-3554267 atau 013-9657293 ketika waktu pejabat sahaja.

# Fair market for fishing community

## Fisherman provides lifeline in more ways than one

By VENESA DEVI  
venesa@thestar.com.my

**ISKANDAR PUTERI:** Located about 40km away from Johor Baru, at Jeru Pak Ngah in Pendas Laut here lies a small market that has been somewhat of a lifeline to some 40 fishermen from around the area.

The market, dubbed Pasar Pendekar Laut, is the brainchild of 35-year-old fisherman Shalan Junt'at who wants to give the fishing community here a chance of getting fair earnings for their hard work.

"We started operations in 2016 as a way to help fishermen get a fair price for their catch.

"Middlemen often enjoy a large portion of the profits from these catches, leaving fishermen hardly enough to cover the costs of going to the sea, including petrol expenses," said Shalan in an interview.

He said he would pay fishermen contributing to Pasar Pendekar Laut about 90% of the market price for their catch and retained an

average of only about 10% or even less for market expenses.

"Sometimes, if they only manage to get a small amount of catches, I will not take any charges.

"As a fisherman myself, I understand very well how hard things are for them.

"I started going to the sea when I was a small kid and saw how my father and grandfather put their lives at risk to get the catches but ended up being paid less than they deserved.

"I want the fishing community to be paid fairly for their craft and skills," he added.

Apart from providing a fair marketplace, Shalan, who is also the founder of an environmental non-governmental organisation called Kelab Alami, also provides other support to help fishermen sustain their livelihoods.

"Some of them could not afford to buy petrol to go to the sea, others may need help in fixing their nets. I try to do what I could to help them," he said.



**Life support:**  
Shalan attending to a customer buying fish at Pasar Pendekar Laut at Pendas Laut, Gelang Patah.  
— THOMAS YONG/The Star

Shalan said fishermen would start sending over their catches between 9am and noon daily.

"We open the market every day from 9am, where people could buy a variety of about 15 seafood including fish, crabs and prawns, depending on what is available on that day.

"Fishermen normally prefer to just give me the catch and take the money later after sales have been made. This shows how much they trust me," he said, adding that the skeptical eyes of fishermen could easily estimate the weight of their catch even before weighing them.

Shalan said Pasar Pendekar Laut started off with catches contributed from only three fishing boats, but has grown to some 40 fishermen.

Due to an increased number of unsold catches during the first movement control order, Shalan has also initiated a fundraising

effort called the Big Fish Bailout programme to help the public and fishermen.

"There was an overflow of seafood supply during the first MCO that was left unsold. As a result, many fishermen were unable to earn a living.

"In an effort to help them, the Big Fish Bailout programme was initiated to collect funds from NGOs and others to buy these catches and later donate it to the poor and needy.

"This includes the homeless who were at that time relocated to a temporary shelter in Gunung Pulai," he said.

He added that about RM80,000 was collected through the initiative over the course of three months and the sum had been channelled to the affected fishermen to lessen their burden.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## Buka semula sektor ekonomi secara berperingkat



**KUALA LUMPUR:** Kerajaan wajar membuka semula sektor ekonomi yang dibekukan secara berperingkat di samping memberi fokus program vaksinasi.

Ahli Parlimen Pasir Puteh, Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kepentingan sektor kesihatan tidak dapat dinafikan, namun tekanan terhadap ekonomi turut menyebabkan berlaku kehilangan nyawa.

Katanya perkara itu berlaku kerana ada rakyat yang berdepan dengan tekanan kewangan memandangkan mereka tidak dapat bekerja disebabkan penularan wabak Covid-19.

“Saya tidak nafikan sektor kesihatan penting dan mustahak kerana ia meragut banyak nyawa rakyat. Saya ucap syabas kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berjaya membendung wabak,” katanya pada persidangan khas Dewan Rakyat, semalam.

Bagaimanapun kata beliau tekanan akibat pandemik Covid-19 menyebabkan ada kes bunuh diri bukan kerana mereka tidak mampu berdepan dengan tekanan hidup.

Menurutnya juga ahli-ahli parlimen berdepan dengan situasi itu di mana rakyat datang mengadu tiada wang bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Beliau juga berkata, sektor pertanian antara bidang yang boleh diceburi rakyat ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19 sekarang.

“Aktiviti pertanian boleh diteruskan di samping rakyat mendapat manfaat Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) yang memperuntukkan RM400 juta kepada sektor tersebut,” ujarinya.

Di bawah PENJANA, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diperuntuk sebanyak RM400 juta untuk melaksanakan skim pembiayaan mikro kredit yang menawar pinjaman dengan kadar faedah 3.5 peratus untuk tempoh lima tahun.

Di samping itu, program kebun komuniti melalui kaedah pertanian bandar diperuntuk sebanyak RM500 untuk individu dan RM50,000 kepada komuniti.

Manakala program komoditi agro makanan juga menyediakan latihan industri makanan sebanyak RM40 juta.

Nik Zawawi yang juga Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berkata, sektor pertanian lebih strategik berbanding bidang lain ketika penularan wabak sekarang.

Beliau turut berharap semua ahli parlimen menggunakan kesempatan berbahas pada persidangan khas itu dengan memberi penumpuan kepada masa depan negara.

“Kalau kita hendak ungkit yang belakang, semua boleh ungkit. Sebanyak 1001 macam kita boleh ungkit tetapi kalau kita ungkit yang telah berlaku tiada gunanya,” ujarinya. – **HARAKHAIDAILY**  
28/7/2021